

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Keldai akaun didenda RM500  
Date : 16 July 2024  
Section : Tempatan  
Page : 6



## **Keldai akaun didenda RM500**

**MIRI:** Seorang keldai akaun didenda RM500 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini semalam setelah mengaku bersalah atas tuduhan memiliki sejumlah wang dipe-rolehi secara tidak sah.

Teh Yeong Ngoh, 54, dari Taman Megah Ria, Masai, Johor Bahru didakwa mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati memiliki wang berjumlah RM18,100 di dalam akaunnya yang dipe-rolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 12 Mac 2020, jam 12.10 tengah hari di sebuah cawangan bank, Jalan Nakhoda Gampar di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu agar hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Randu Rangen manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.